



Dr Sitti Raehanah (tengah) bersama-sama kakitangan Sekolah Pertanian Lestari menanam pokok buah-buahan di Batu 10, Sandakan.

BH 16.5.2013 v9

Pelajar, kakitangan UMS **tanam** **pokok buah-buahan**

Sandakan: Seramai 46 pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Sandakan menyertai program penanaman pokok buah-buahan di Batu 10, dekat sini, baru-baru ini.

Program menanam 30 pokok buah-buahan spesies terpilih itu turut disertai pelajar tahun tiga kursus pomologi serta lapan kakitangan Sekolah Pertanian Lestari (SPL) UMS.

Penanaman dilakukan di kawasan kira-kira 4.5 hektar.

Demonstrasi pokok

Program dimulakan dengan taklimat mengenai kaedah penanaman pokok yang betul disampaikan oleh Prof Madya Mohd Dandan Alidin serta demonstrasi penanaman pokok oleh kakitangan Unit Pentad-

biran Ladang SPL.

Dekan SPL, Dr Sitti Raehanah Muhammad Shaleh memulakan acara dengan menanam pokok mangga epal.

Katanya, SPL dalam proses membangunkan plot ladang tanaman dan ladang ternak yang akan menjadi ladang model di Borneo.

“Ini bakal menjadi pusat pembelajaran dan rujukan utama dalam bidang pertanian moden di Kawasan Pembangunan ASEAN Timur BIMP-EAGA,” katanya.

Turut hadir, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Dr Mohamdu Boyie Jalloh; Ketua Program Pengeluaran Tanaman, Prof Madya Dr Azwan Awang; Ketua Program Hortikultur dan Landskap, Dr Jupikely James Silip serta Ketua Program Pengeluaran Ternakan, Dr Bonaventure Boniface.